

Eksport Malaysia Ke Belanda Mungkin Cecah RM20 Bil Tahun Ini
Bernama
4 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Eksport Malaysia ke Belanda berpotensi untuk mencecah 5 bilion (RM20.488 bilion) tahun ini, kata timbalan ketua Kedutaan Belanda, Jan A. Soer.

Beliau berkata jumlah dagangan antara Kuala Lumpur dan Amsterdam dijangka mencapai 6 bilion tahun ini, dirangsang oleh eksport minyak sawit, minyak mentah dan getah yang menggalakkan.

Dalam tahun 2010, jumlah dagangan ialah 5.5 bilion, dengan eksport Malaysia mencapai 4.5 bilion.

"Walaupun data perdagangan rasmi untuk tahun lepas belum lagi dikeluarkan, saya percaya angka perdagangan lebih kurang sama dengan tahun 2010," kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan taklimat mengenai Institut Teknologi Maritim Belanda di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=637882>